

# SPRM mula siasat kes rasuah Airbus-AirAsia

Suruhanjaya sudah hubungi pihak berkuasa UK: Latheefa

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan sedang menjalankan siasatan berhubung dakwaan Airbus merasuah dua pegawai eksekutif AirAsia bagi mendapatkan kontrak pembekalan pesawat kepada syarikat itu.

Ketua Pesuruhjayanya, Latheefa Koya, berkata mengikut akta SPRM, pihaknya mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat sebarang tindakan rasuah dilakukan mana-mana warga tempatan atau penduduk tetap Malaysia yang berada di luar negara.

"Dalam kes Airbus-Airasia ini, saya mengesahkan pihak SPRM sudah menghubungi pihak berkuasa UK dan sudah memulakan penyiasatan dalam perkara ini.

"Kita mempunyai kuasa menyiasat apa-apa tindakan rasuah dilakukan individu berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kelmarin, portal *The Telegraph* dalam laporannya mendakwa, Mahkamah Keadilan Diraja London dalam prosidingnya menyebut Airbus membayar AS\$50 juta

(RM204 juta) dan menawarkan AS\$55 juta (RM225 juta) lagi untuk menaja sebuah pasukan sukan yang mempunyai kaitan dengan dua individu berpengaruh di AirAsia dan AirAsia X.

Sementara itu di Georgetown, Pulau Pinang, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, kementerian itu akan menyerahkan sepenuhnya kepada AirAsia dan AirAsia X untuk menjawab tuduhan rasuah berkenaan.

"Saya sendiri tidak menerima maklumat lanjut berhubung perkara itu dan hanya mengetahui apabila dilaporkan media sahaja, nama mereka (syarikat penerbangan) itu disebut, jadi ia terpujang kepada kedua-dua syarikat berkenaan untuk menjawab perkara itu," katanya ketika ditanya

**Dalam kes Airbus-Airasia ini, saya mengesahkan pihak SPRM sudah menghubungi pihak berkuasa UK dan sudah memulakan penyiasatan dalam perkara ini.**

**Latheefa Koya,**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM

mengenai perkara itu.

*BH* menghubungi AirAsia semalam dan jurucakapnya berkata, syarikat berkenaan akan mengeluarkan satu kenyataan berkaitan perkara itu.

Sementara itu, laporan *Reuters* menyebut, Airbus memberi suapan kepada pegawai awam dan menyembunyikan pembayaran itu sebagai sebahagian daripada kaedah rasuah di seluruh dunia, kata pendakwa raya semalam.

Pembuat pesawat Eropah itu bersetuju dengan penyelesaian AS\$4 bilion (RM16.38 bilion) dengan Perancis, Britain dan Amerika Syarikat atas kesalahan yang dilakukan.

Pendedahan itu, yang dibuat selepas penyiasatan hampir empat tahun membabitkan jualan menjangkau ke lebih sedozen pasaran di luar negara, dilakukan selepas mahkamah di negara di kedua-dua belah Laut Atlantik itu meluluskan secara rasmi penyelesaian itu, sekali gus menamatkan kes undang-undang yang membelenggu kumpulan aeroangkasa terbesar di Eropah itu selama bertahun-tahun.

"Ia adalah skim suapan yang menular dan merosakkan pelbagai bahagian di Airbus SE yang berlaku selama beberapa tahun," kata Hakim Daerah AS, Thomas Hogan.

Penyelesaian itu yang boleh dianggap sebagai tawar-menawar korporat, bermakna Airbus mengelakkan pendakwaan jenayah yang berisiko menyebabkan ia dihalang daripada menyertai

kontrak awam di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah - tampanan besar untuk pembekal utama pertahanan dan ruang angkasa itu.

Bagaimanapun, pendakwa berkata, individu masih boleh dikenakan tuduhan jenayah.

Airbus, yang sahamnya ditutup jatuh satu peratus telah disiasat oleh pihak berkuasa Perancis dan British kerana dakwaan rasuah membabitkan jualan jet sejak lebih sedekad.

Ia juga disiasat oleh AS mengenai apa yang disyaki menyahli kawalan eksport AS.

Sementara itu, *Reuters* juga menyebut Pejabat Penipuan Serious UK berkata, Airbus dikatakan turut menaja pasukan sukan dimiliki oleh eksekutif AirAsia ketika perbincangan tempahan pesawat.

Namun, mengikut laporan itu pihak berkuasa AirAsia menafikan sekeras-kerasnya perbuatan salah laku berkaitan perjanjian penajaan antara pasukan FC Caterham dan Airbus yang membabitkan anak syarikatnya, EADS.

*Reuters* turut menyebut AirAsia tidak dapat dihubungi dalam masa terdekat untuk memberikan komen.

Pendakwa raya UK juga berkata, Airbus gagal menghalang individu berkaitan dengan syarikatnya daripada rasuah membabitkan AirAsia dan AirAsia X, Sri Lanka Airlines, Taiwan's TransAsia Airways, Garuda Indonesia dan Citilink Indonesia.